

Tarikh Dibaca: 14 Oktober 2016

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“KEBATILAN AKIDAH SYIAH”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**





"KEBATILAN AKIDAH SYIAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَالسَّبِقُونَ الْأَوْلُونَ مِنْ
الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ
رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعَدَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي
تحتها الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ¹
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

¹ At-Taubah; 100



Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan dengan ketakwaan itu, kita akan dikurniakan kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Muslimin yang berbahagia,

Hayatilah khutbah pada hari ini yang akan menjelaskan "**KEBATILAN AKIDAH SYIAH**".

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah mengeluarkan fatwa yang diwartakan pada 17 Oktober 2013 menyatakan, "Bahawa fahaman dan ajaran Syiah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar kerana mengandungi elemen-elemen antaranya adalah seperti berikut:

1. Mempercayai bahawa Imam mereka adalah Maksum.
2. Mengkafirkan para sahabat Rasulullah SAW.
3. Mempercayai bahawa konsep Khalifah dan Imamah adalah termasuk salah satu Rukun Islam dan ia ditetapkan secara wasiat dan nas.
4. Melakukan acara menyiksa tubuh badan sempena sambutan hari Karbala pada 10 Muharram pada setiap tahun.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Pertama; kesalahan dan kesesatan ajaran Syiah adalah kerana mereka mempercayai bahawa Imam mereka adalah Maksum.



Ulama-ulama Syiah seperti Al-Kulayni dan Muhammad Husayn Ali al-Kashshif al-Ghita' menyebut: Imam-Imam Syiah itu adalah disucikan dari dosa dan maksum dari sebarang kesalahan sepertimana para nabi.

Pendapat syiah ini adalah salah, menyeleweng dari ajaran Islam yang benar. Yang maksum adalah al-anbiya', adapun manusia biasa yang tidak menerima wahyu daripada Allah walau bagaimana tinggi darjatnya sekalipun dia tetap tidak maksum. Pendapat Syiah itu adalah melampau dengan menganggap Saidina Ali RAnhu dan imam-imam mereka yang lain sebagai maksum dan tidak melakukan sebarang kesalahan.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Kedua; ajaran Syiah bercanggah dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah kerana mereka mengkafirkan para sahabat Ridwanullah Alaihim dan mencela mereka, termasuk Saidina Abu Bakar, Umar, Uthman, Saidatina Aishah dan lain-lain kecuali Saidina Ali dan beberapa orang sahaja.

Salah seorang ulama syiah yang amat masyhur iaitu Al-Majlisi, ada menyebut:

Ali bin al-Husain pernah ditanya seseorang: Bahawasanya bagiku wajib ke atas kamu, tidakkah tuan memberi tahu kepada aku mengenai dua orang lelaki ini, mengenai Abu Bakar dan Umar? Jawab Ali bin al-Husain: Keduanya kafir dan kafir orang yang kasih kepada kedua-duanya (iaitu Abu Bakar dan Umar).

Dakwaan ini adalah batil, menyeleweng daripada kebenaran bahkan bertentangan dengan al-Quran dan Hadith. Sebagai contoh bertentangan dengan ayat 100 Surah at-Taubah yang dibaca pada permulaan khutbah ini, yang mana Allah SWT dengan jelas memuji sahabat-sahabat Rasulullah



SAW yang terdahulu dan yang lebih awal masuk Islam. Mereka terdiri daripada kalangan Muhajirin dan Ansar termasuk Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar RAnhuma, Allah redha kepada mereka, dan mereka redha kepada Allah, dan Allah sediakan bagi mereka syurga-syurga, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya, dan itu adalah kejayaan yang amat besar.

Menurut Abu Musa al-Ash'ari RAnhu., Sa'id bin al-Musayyab, Muhammad bin Sirin, al-Hasan dan Qatadah bahawa sahabat-sahabat yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah sahabat-sahabat yang mendirikan solat menghadap dua kiblat bersama-sama Rasulullah SAW termasuk Abu Bakar as-Siddiq dan Umar al-Khattab.

Dengan ini pendapat Syiah yang mencerca dan mengkafirkan saidina Abu Bakar, Umar dan lain-lain Sahabat Rasulullah adalah batil dan amat menyeleweng. Ini juga bertentangan dengan sebuah hadith riwayat al-Bukhari daripada Abu Said al-Khudri bahawa Rasulullah SAW bersabda;

لَا تَسُبُّوا أَصْحَابِي

"...Jangan kamu mencela sahabat-sahabatku..."

Berasaskan kepada ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW tersebut, membuktikan semua Sahabat adalah adil. Golongan Syiah yang mencerca, apatah lagi menghukumkan sahabat sebagai kafir adalah amat sesat, menyeleweng dan bukan dari kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Muslimin yang berbahagia sekalian,

Ketiga; ajaran Syiah yang menyeleweng dan bercanggah dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah kerana mereka mempercayai



bahawa konsep Khalifah dan Imamah adalah termasuk salah satu Rukun Islam dan ditetapkan secara wasiat dan nas.

Syiah beriktikad sesungguhnya Rasulullah SAW telah berwasiat, bahawa pengganti Baginda setelah wafatnya adalah Saidina Ali Bin Abi Talib RAnhu.

Al-Kulayni, salah seorang ulama Hadith Syiahtelah menulis dalam kitabnya *al-Usul Min al-Kafi*, antaranya Abu Ja'far berkata yang bermaksud;

"...Allah telah memfardukan perlantikan itu sebagaimana Allah memfardukan solat, zakat, puasa dan haji.

Dakwaan ini menunjukkan bahawa perlantikan Saidina Ali RA sebagai pengganti Rasulullah setelah Baginda wafat adalah daripada Allah SWT sama seperti Allah memfardukan solat, puasa, zakat dan haji.

Dalam kitab ini juga, ada mentafsirkan firman Allah dalam surah al-Maidah ayat 55:

إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ

"Sesungguhnya penolong kamu hanyalah Allah, dan Rasul-Nya, serta orang-orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang, dan menunaikan zakat, sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah)".

Maksud وَالَّذِينَ آمَنُوا dalam ayat ini bagi golongan Syiah ialah Saidina Ali dan anak cucunya yang menjadi imam-imam bagi Syiah. Pendapat Syiah ini adalah batil dan menyeleweng daripada yang sebenar. Ini kerana;



Pertama, perkara itu hanya terdapat dalam kitab Hadith Syiah sahaja, yang kemudiannya terus disebar dalam kitab-kitab mereka yang lain. Ia tidak terdapat dalam sebarang kitab-kitab Hadith Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Kedua, jika Hadith itu sabit daripada Rasulullah SAW nescaya Saidina Abu Bakar RAnhu sudah pasti tidak akan menerima perlantikan jawatan khalifah tersebut, kerana beliau adalah seorang yang amat berpegang teguh dengan apa yang dikatakan oleh Rasulullah SAW sehingga beliau digelar dengan gelaran *al-siddiq*. Maka mustahil beliau akan menerima jawatan sebagai khalifah jika benar Rasulullah SAW telah menentukannya kepada Saidina Ali Bin Ali Talib RAnhu.

Rasulullah SAW juga telah memuji Sahabat-Sahabat Baginda dalam beberapa Hadith. Antaranya Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam Sahihnya daripada Abu Hurairah RAnhu yang bermaksud;

"Nabi SAW bersabda: Jangan kamu mencela sahabat-sahabatku, sekiranya seseorang daripada kamu membelanjakan (atau mendermakan) emas seumpama gunung Uhud pun tidak akan menyamai satu cupak mereka..."

Dalam Hadith ini Rasulullah SAW menegah seseorang itu mencela Sahabat-sahabat Baginda. Ini menunjukkan bahawa para Sahabat adalah seorang yang bersifat adil, tidak melakukan pendustaan dan bersifat amanah. Jika wasiat Rasulullah itu sabit sudah pasti mereka tidak akan mengingkarinya. Apabila mereka melantik Saidina Abu Bakar RAnhu maka ini menunjukkan Rasulullah tidak menetapkan siapa penggantinya.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,



Keempat; ajaran Syiah yang menyeleweng dan bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah kerana mereka menyiksa dan melukakan tubuh badan mereka sempena sambutan hari Karbala pada setiap 10 Muharram.

Golongan Syiah mengadakan upacara memukul dada dan menyiksa tubuh badan sempena 10 Muharram bagi menangi kematian Saidina Husain. Perbuatan mungkar ini adalah hanya direka-reka dan bukan daripada ajaran Islam yang sebenarnya. Malah ianya menyerupai ajaran agama-agama lain. Perbuatan ini telah bercanggah dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah Bin Mas'ud RAnhu bahawa Rasulullah SAW bersabda;

لَيْسَ مِنَّا مَنْ ضَرَبَ الْخُدُودَ أَوْ شَقَّ
الْجُيُوبَ أَوْ دَعَا بِدَعْوَى الْجَاهِلِيَّةِ

"Bukanlah termasuk golongan kami, siapa yang menampar pipi, merobek baju dan menyeru dengan seruan jahiliah".

(Riwayat Muslim).

Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,

Mengakhiri khutbah Jumaat pada hari ini, kita sebagai seorang muslim hendaklah memahami, meyakini dan melaksanakan perkara-perkara utama seperti berikut;

1. Umat Islam di negeri ini hendaklah berpegang teguh kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagaimana pegangan ketua agama Islam negeri ini.



2. Umat Islam hendaklah menolak dan menjauhkan diri daripada sebarang fahaman yang menyeleweng dan bercanggah dengan fahaman dan amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti Syiah, Qadiani, Fahaman Liberal, Militan dan lain-lain.

3. Umat Islam di negeri ini hendaklah menghindarkan diri daripada terlibat dengan upacara-upacara sambutan Hari Karbala bersempena dengan 10 Muharram yang diamalkan oleh golongan sesat Syiah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي
الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ

"Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya selama-lamanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi".

(Ali Imran ; 85).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrim yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ
سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه



الحاج ابن المرحوم سُلْطَانُ صَلَاحُ الدِّينِ عبد
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاطُوْر، تَعَكَوْ اَمِيْر شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ
الدِّينِ ادريس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظِفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau



redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat khususnya wabak penyakit Zika dan Denggi supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa dilindungi dan diberkati.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

**
JAIS/Nurul
15.09.2016